

4

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK AHMAD JAZLAN BIN
BIN YAAKUB
[Machang]**

TARIKH : 08.04.2015 (RABU)

NO. SOALAN : 9

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan :-

- (a) pelan tindakan yang telah dirangka bagi menaik taraf prasarana kampung yang masih dalam keadaan uzur supaya taraf kehidupan masyarakat luar bandar dan bandar tidak terlalu tinggi jurang perbezaannya; dan
- (b) adakah Kementerian meneliti secara serius terhadap taraf hidup dan pembangunan masyarakat luar bandar kerana masih ada kawasan yang tidak mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air bersih.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) yang dirangka oleh Kementerian, salah satu objektif utamanya adalah penyediaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam yang menyeluruh. Ini kerana prasarana yang baik dan kondusif akan menjana pertumbuhan ekonomi negara dan dalam jangkamasa panjang mampu merapatkan jurang pembangunan di antara bandar dan luar bandar.

Adalah menjadi hasrat dan keutamaan Kementerian supaya penyediaan infrastruktur asas di kawasan luar bandar dapat diperluaskan secepat mungkin. Walaubagaimanapun, agenda Pembangunan Luar Bandar yang menyeluruh ini melibatkan peruntukan yang besar dan tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang singkat. Oleh itu, dengan mengambil kira kemampuan kewangan Kerajaan, penyediaan kemudahan infrastruktur asas ini adalah

dilaksanakan secara berperingkat dan berterusan.

- (b) Kementerian sentiasa komited untuk memastikan penduduk di kawasan luar bandar yang masih belum mendapat kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan terawat mendapat kemudahan tersebut. Namun, pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) iaitu penyambungan paip retikulasi ke rumah-rumah adalah dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keutamaan dan kesesuaian untuk projek dilaksanakan.

Ini kerana terdapat juga keadaan di mana penyambungan paip retikulasi ini, khususnya di kawasan pedalaman tidak dapat dilaksanakan kerana faktor seperti sumber air sedia ada tidak mencukupi, tekanan air yang rendah, isu tanah/izin lalu dan sebagainya. Oleh yang demikian, Kementerian dengan kerjasama agensi lain yang terlibat akan berbincang dan berusaha mencari kaedah yang terbaik bagi mengatasi perkara ini dari masa ke semasa.